

# Promosi herba

**M**ALAYSIA bertuah kerana dikurniakan kekayaan kepelbagaian biologi yang tinggi iaitu hutan, pokok-pokok dan tumbuhan herba.

Namun sejauh manakah kita menghargai anugerah tersebut memelihara, memuliha dan memanfaatkannya?

Menurut seorang penyelidik yang pernah membuat kajian mengenai herba, **Prof. Madya Dr. Latifah Saiful Yazan** untuk tujuan itu banyak perkara boleh dilakukan.

Beliau berkata, antaranya, memberi maklumat tentang khasiat tumbuhan atau herba kepada masyarakat menerusi ceramah oleh mereka yang mempunyai kepakaran.

Ini kerana katanya, kebiasaan masyarakat tidak mengetahui cara penggunaan sesuatu herba dan tidak menyedari bahawa herba tersebut kadang-kadang berada di persekitaran mereka.

“Sebagai contoh, daun bunga raya boleh digunakan untuk menurunkan panas badan semasa demam. Cara ini adalah selamat kerana tidak menggunakan sebarang bahan kimia. Apabila masyarakat mempunyai pengetahuan tersebut dan melihat keberkesanan herba apabila mencuba sendiri, secara tidak langsung akan menyebabkan mereka menghargai herba atau tumbuhan,” ujarnya.

Katanya lagi, maklumat juga perlu disampaikan oleh mereka yang pakar dalam bidang tersebut. Jika dilihat dalam media sosial sekarang, terlalu banyak dakwaan yang keterlaluan tentang khasiat sesuatu herba seperti boleh mengubati semua penyakit yang menyebabkan masyarakat menjadi kurang percaya.

Beliau yang juga pensyarah dan penyelidik Jabatan Sains Bioperubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM) juga mencadangkan menyediakan slot dalam media massa. Sebagai contoh ruangan atau program

Satu Herba Sehari yang memberi maklumat tentang nama, rupa, khasiat dan cara penggunaan sesuatu herba.

Sememangnya banyak buku tentang khasiat herba tetapi kebiasaannya maklumat yang diberi sangat panjang dan pembaca mudah lupa. Kadangkala terma yang digunakan agak teknikal sehingga orang ramai kurang faham mengenainya.

Inisiatif lain termasuklah memberi maklumat tentang pendapatan yang boleh dijana daripada produk berasaskan herba. Ini adalah salah satu sebab kenapa perkara berkaitan

herba menjadi salah satu agenda dalam *Economic Transformation Programme 1* (EPP1).

Beliau juga mencadangkan supaya lebih banyak geran penyelidikan untuk menjalankan lebih banyak kajian saintifik untuk menyokong penggunaan tradisional dan membuktikan

khasiat sesuatu herba.

Dengan cara itu, masyarakat akan lebih yakin dan tidak

bersandar kepada testimonial semata-mata dan dengan cara itu juga, kesan buruk sesuatu produk herba dapat dielakkan.

Menurut beliau, ketika ini banyak formulasi herba yang tidak mempunyai bukti kukuh dijual di pasaran yang boleh menyebabkan kemudaratan kepada pengguna. Kajian klinikal herba juga perlu dipermudah dengan syarat memenuhi kesemua panduan yang telah ditetapkan.

Orang ramai juga perlu diberi maklumat tentang beberapa ubatan yang diekstrak daripada herba atau tumbuhan untuk pelbagai penyakit. Sebagai contoh, ubat antikanser (*vincristine* dan *vinblastine*) asalnya diekstrak daripada pokok kemunting Cina (*Catharanthus roseus*).

“(Cara lain adalah) memasukkan khasiat herba sebagai salah satu silibus/mata pelajaran untuk pelajar sekolah rendah dan menengah,” ujarnya.



**SOTIRAH** Saiful Yazan